

09/10/2003

PM arah perketat kawalan

M Thillinadan

DENPASAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan kejadian penculikan enam pekerja asing di Borneo Paradise Eco Farm Resort di Lahad Datu, Sabah, Ahad lalu.

Perdana Menteri berkata, kejadian itu menunjukkan kawalan keselamatan di kawasan berkenaan longgar dan memberi jaminan langkah segera akan diambil untuk mengatasinya.

"Kita mesti mengetatkan kawalan dan bekerjasama dengan negara jiran (Filipina dan Indonesia) untuk memastikan kawalan yang dikenakan berkesan serta kejadian seperti itu tidak berulang," katanya pada sidang media pada akhir Sidang Kemuncak Asean Ke-9 di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan seorang wartawan Filipina sama ada kejadian itu menjejaskan industri pelancongan Malaysia serta kesediaan Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, untuk membantu Malaysia menangkap penculik itu.

"Ramai tidak tahu Asia Tenggara adalah sebuah kawasan yang luas. Jadi apabila berlaku sesuatu di kawasan terpencil, mereka ingat seluruh Asia Tenggara terjejas dan tidak selamat.

"Oleh sebab itu kita kesal kejadian sepertinya berlaku. Tetapi kita akan mengambil tindakan segera." katanya.

Kepada soalan lain mengenai agenda yang akan dibincangkan pada Sidang Kemuncak Persidangan Ketua-Ketua Negara Islam (OIC) ke-10 yang akan diadakan di Malaysia mulai 11 hingga 18 Oktober ini, beliau berkata, negara anggota dijangka membawa pelbagai isu yang menjejaskan kepentingan mereka.

"Pada masa ini negara Islam rasa mereka dilayan dengan buruk, termasuk dilabel sebagai negara pengganas, agama mereka dilabel sebagai agama pengganas dan nabi mereka juga sebagai pengganas.

"Saya rasa semua isu itu yang berkait rapat dengan kepentingan mereka akan dibincangkan," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai Sidang Kemuncak Asean Ke-9, Dr Mahathir berpendapat sidang kali ini antara yang paling berjaya berdasarkan pelbagai pencapaiannya.

"Kami (ketua-ketua kerajaan) dapat mengadakan perbincangan dengan baik dengan lebih persefahaman. Dialog Asean+3 (China, Jepun, Korea Selatan) juga membawa banyak pencapaian.

"China dan India juga menyertai Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asean (TAC).

"Deklarasi Bali Concord II juga ditandatangani oleh 10 negara Asean. Jadi saya gembira dengan pelbagai pencapaian kali ini," katanya.

Malah, Perdana Menteri berkata ada juga perbincangan mengenai Kumpulan Asia Timur.

"Dulu, apabila kita membawa cadangan untuk menubuhkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) membabitkan Asean dengan China, Jepun dan Korea Selatan, Malaysia dilarang berbuat demikian, tetapi sekarang ada cadangan untuk kumpulan baru itu," katanya.

Difahamkan, Korea Selatan mencadangkan penubuhan Kumpulan Asia Timur.